

# CAPE TOWN

## Ruang Antara Dua Lautan

SAYA TERBANG KE CAPE TOWN DARI JOHANNESBURG YANG DIPENJARAKAN OLEH DARATAN. SMAKA, SAYA PUN BERMIMPIKAN LAUTAN DAN PANTAI YANG PANJANG. SAYA MIMPIKAN RUANG DI MANA DUA LAUTAN BERTEMU DAN BERBENTURAN, AKHIRNYA BERBAURAN – LAUTAN HINDI DAN ATLANTIK. DI SINILAH, PARA PELAYAR, SAUDAGAR DAN PENJAJAH EROPAH MEMBELOK UNTUK KE ASIA YANG KAYA DENGAN EMAS DAN REMPAH-RATUSNYA.




Kota Cape Town dari udara.

Di Cape Town, kita dianugerahkan teluk yang lebar, banjaran yang muncul dari hujung benua yang menjadi tanda indah Tanjung Harapan ini. Kota dan kampung-kampungnya disikat dan dibersihkan angin dan air. Kota ini pernah disebut sebagai kota yang paling indah di dunia kerana gabungan semua anugerah alam ini.

Dari atas kapal terbang lagi Cape Town tampil sebagai sangat dramatik – pantainya yang berlekuk-lekuk masih menawarkan sebuah

Kawasan setinggan yang digelar Khayelitsha.



Dua orang penduduk Cape Town yang menerima pemberian takdir di kawasan hidup yang masih belum sempurna.

atas ialah langit biru dan awannya. Tidak banyak kota yang dapat berbangga dengan begitu banyak unsur alam yang bercantum menjadikannya suatu tempat dan kota yang istimewa.

Apabila kami tiba di hotel, kami merancang untuk memanjat Table Mountain (dengan trak) supaya kotanya dapat dinikmati secara lebih dekat. Dalam perjalanan itu, kami dengan perlahan-lahan disingkap pemandangan laut yang melengkung lebar, menyusur bentuk tanjung yang luas, yang menjadikannya suatu kawasan yang harus dilalui semua kapal pada kurun ke-17 hingga ke-20, sekiranya mereka ingin ke Asia atau Eropah. Selat Suez masih belum dibina, yang dibuka hanya pada tahun 1869, untuk memendekkan perjalanan dari Eropah ke India dan semua destinasi ke timur, terutamanya pulau-pulau Rempah dan China.

Dari atas Table Mountain, pemandangannya sangatlah menakjubkan, dan yang bermain di mata kita bukan sahaja daratan yang menjulur ke laut, tetapi juga air yang menakung sejarah. Di belakang sejarah ini bany sekali yang menyedihkan, b

tanah pejal dan lapang untuk hiburan penduduk dan pelawat ke kotanya, sementara lerengnya dijadikan tapak rumah yang berpandangan indah. Dan tapak ini memanjat hampir ke setengah "Table Mountain". Di antara Table Mountain dan bukit pantai daratan, terdapat sebuah lagi lembah yang menjadi tempat di mana subbandar kota berakar dan berkembang.

Warna-warnanya juga cukup menawan mata, ada biru-hijau lautan dan ada lapangan berumput hijau lembut. Ke dalam lagi itu ada banjaran yang hampir coklat, iaitu warna bukit berbatu merah. Di






Table Mountain dan rumah-rumah di lerengnya.

sahaja perdagangan dilancarkan, tetapi juga perhambaan manusia, penjajahan puluhan negara di timur oleh negara-negara Barat yang hauskan kuasa dan rakus akan kekayaan. Jadi di belakang keindahan yang saya lihat, ada titisan darah dan duka pada perjalanan masa.

Dan sebahagian daripada dunia ini ialah lereng yang menjadi kaki gunung sebagai kawasan perumahan yang disusun rapi,

**Seterusnya, saya diberitahu oleh seorang penduduk di sini bahawa walaupun pada zaman awalnya daerah ini tidak terurus, namun dengan pembaikan dan azam masyarakatnya, maka kawasan ini dibersihkan dan dicantikkan lagi. Pada tahun 1966, kawasan ini diisytiharkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai Warisan Negara.**



"Waterfront" yang menjadi tambatan untuk kapal kecil dan mewah.

dari sejak mulanya masih dekat kepada laut, dan setelah itu untuk berpuluh-puluh tahun untuk keperluan penduduk baharu. Maka itu, dibina pula rumah-rumah lainnya di lereng ini, sehinggalah ke paras bukit yang dibenarkan.

Apabila saya turun ke bawah, tarikan yang pertama yang menjemput kami ialah "Waterfront" di sebuah teluk yang terdekat kepada kotanya. Teluk ini merupakan sebuah tambatan untuk kapal-kapal kecil dan mahal. Di antara tambatan kapal-kapal yang mahal ini terdapat semacam pelantaran, di mana kita dapat duduk makan dan minum atau merenung lautannya. Saya duduk lama di sana memantau laut dan kapal, dan manusia yang datang dari seluruh dunia. Waterfront ini menjadi semacam tempat dunia

bertemu dan tempat yang paling sering dikunjungi pelancong dan penduduk.

Untuk yang ingin melihat air dan bangunan kota secara lebih penuh, mereka perlu membeli tiket dan memanjat masuk ke dalam Cape Wheel, atau Roda Tanjung, yang berputar dan membenarkan kita melihat wajah kotanya dari sudut 360 darjah. Di dekat pelantarannya juga kita dapat menyemak cenderahati khusus dari daerah ini atau Selatan Afrika. Bagi saya, krafnya sangat unik yang belum pernah saya lihat di tempat lain.

Seperti yang disebut, kita perlu tambah unsur sejarah penaklukan Eropah terhadap bangsa-bangsa dan tanah Afrika. Menara merah ini mencatatkan sebahagian daripadanya, dan warna merah

itu, pada saya, ialah darah Afrika yang ditumpahkan orang Belanda, Boer dan British, yang berperang bermati-matian untuk menguasainya.

\*\*\*

Dari tambahan ini kita juga dapat menaiki kapal yang mengelilingi pantai dan kota, dan malah pergi lebih jauh lagi – ke tengah air di mana dua lautan bertemu dan ke kawasan yang menjadi tempat berkumpul ikan paus, pada musim-musim tertentu – atau masuk ke pusat beli-belah baharu dengan persembahannya.

### Sejarah Nusantara di Cape Town

Belanda menguasai Indonesia selama lebih tiga kurun. Dalam proses menguruskan tanah jajahannya, mereka juga mengalami pemberontakan oleh penduduk asli terhadap mereka. Salah satu penentangan ini meletus di Makasar. Ketua mereka ialah Sjeich Jusuf. Beliau telah ditangkap dan dipindahkan bersama-sama penyokong-penyokongnya ke Cape Town. Bersama-sama mereka, pada waktu yang lain, dibawa juga penduduk Melayu dari Melaka dan tempat-tempat ke kota Belanda di

hujung Afrika ini, pada tahun 1641 hingga tahun 1824. Kini Sjeich Jusuf dianggap sebagai seorang keramat dan pejuang Melayu melawan penjajah Belanda.

Keturunan beliau dan orang Nusantara lainnya mula membina penempatan di lereng Bukit Signal, yang juga memandang ke laut. Apabila perhambaan dimansuhkan, mereka pun bebas bekerja di luar kem dan memilih tempat tinggalnya. Ramai sekali yang berkumpul di bukit ini kerana terdapat sebuah masyarakat Melayu dan Muslim yang cukup besar.


Inilah kawasan yang kini dikenali sebagai *The Malay*

*Quarter* atau Kawasan Melayu. Seperti di Sri Lanka, Melayu di sini berasal daripada beberapa provinsi dan daerah di Indonesia dan Semenanjung. Pada kurun ke-19, kawasan ini sudah pun terkenal sebagai *Slamse Beurt*, iaitu kawasan penduduk Islam. Masjid pertamanya dibina pada tahun 1798 dan dikenali sebagai Awwal Mosque. Pada mulanya rumah-rumah ini dibina oleh masyarakat pekerja kota ini, namun setelah perhambaan diharamkan, penduduk Melayu secara beramai-ramai menduduki kawasan ini.

Di Cape Town, darah Melayu dialirkan juga oleh sejarah dan hakikat kehidupan bersama



Pusat beli-belah yang serba moden di Cape Town.



Dewan Budaya | BIL. 10 2020

dengan penduduk Muslim lainnya, iaitu Afrika, India dan Arab. Ramai yang memperhatikan campuran ini. Namun ramai juga yang berkahwin antara pasangan bersuku Melayu, maka wajah dan kulit mereka masih kelihatan kemelayuannya. Malangnya, bahasa Melayu mereka telah diganti dengan bahasa Afrika, yang juga meminjam banyak frasa dan istilah daripada bahasa mereka.

Jadi terdapat jati diri yang agak jelas bagi orang Melayu Cape Town ini. Rumah-rumah deret mereka yang memanjang memanjang jalan yang mendaki Bukit Signal. Didindingnya sering dicat dengan warna terang yang berbeza-beza, yang unik dan indah. Inilah juga yang menjadikannya satu tarikan kepada pelancong. Sementara itu terdapat masjid dan surau di kawasan ini yang terletak di antara gereja-gereja penduduk Kristian. Saya berpeluang bersembahyang Asar di salah sebuahnya.

Seterusnya, saya diberitahu oleh seorang penduduk di sini bahawa walaupun pada zaman awalnya daerah ini tidak terurus, namun dengan pembaikan dan azam masyarakatnya, maka kawasan ini dibersihkan dan dicantikkan lagi. Pada tahun 1966, kawasan ini diisytiharkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai Warisan Negara. Kini, orang berketurunan Melayu-Nusantara ini menduduki peringkat menengah masyarakat di Cape Town. Ramai yang berjaya sebagai jurutera, ahli teknik, doktor dan lainnya. Oleh hal yang demikian, mereka tidak lagi miskin.


Sekitar 20 tahun yang lalu, masih ada beberapa orang saudagar Melayu yang berhijrah ke sini kerana peluang yang dilihat mereka, terutamanya dalam perniagaan dengan

Semenanjung, Indonesia dan Afrika. Untuk yang ingin melihat isi lautan di hujung benua ini, Cape Town menawarkan Two Oceans Aquarium yang mengumpulkan ikan, kehidupan marin, haiwan laut dan karang dari kedua-dua lautan ini. Namun waktu saya terbatas, maka saya bayangkannya daripada air di depan saya sahaja.


Tetapi harus disebutkan juga kawasan yang menyayat hati kita, yang tidak mewah atau pun sederhana. Inilah kawasan setinggan yang sangat besar, yang digelar Khayelitshta, yang menampung 400 ribu orang penduduk. Mereka berasal dari pinggir kota ini dan juga negara-

negara jiran Afrika Selatan lainnya. Oleh sebab kebanjiran pendatang yang bertali arus, maka masalah kemiskinan ini juga berterusan dan tidak mudah diselesaikan. Walaupun bagaimanapun, diberikan juga sebanyak mungkin kemudahan sekolah dan penjagaan kanak-kanak, misalnya di kawasan Imizamo Yethu.

Lawatan saya ke Cape Town berakhir dengan kesedihan dan tragedi sejarah – itulah kenyataan dan kebenaran sejarah. Namun, manusia kecil masih dapat keluar daripada pagar kesusahan ini dan mengambil alih negara mereka, terutama apabila bangsa mereka yang memerintah kembali tanah airnya. **DB**



Menara jam yang menanda sejarahnya.



Deretan rumah berwarna-warni di Bukit Signal.